

# Academy of Language Studies

UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023


e-Lingua  
3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh



# *Hari Anugerah Kelab & Persatuan Pelajar Dalaman*

Program Hari Anugerah Kelab dan Persatuan Pelajar Dalaman anjuran Unit Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) telah diadakan pada 5 Julai 2023 di UiTMCPP Kampus Permatang Pauh. Program ini yang bertemakan Arabian Day: Black and White melibatkan 33 kelab dan persatuan dari UiTMCPP Kampus Permatang Pauh dan 10 kelab dan persatuan dari UiTMCPP Kampus Bertam. Tujuan utama program ini adalah untuk mengiktiraf dan menghargai penglibatan pelajar yang aktif dalam persatuan masing-masing.

Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dengan pendaftaran wakil-wakil pelajar dan penasihat daripada kelab-kelab dan persatuan-persatuan yang terlibat. Kemudian, majlis dimulakan pada jam 9.30 pagi dengan ucapan alu-aluan berserta tayangan video yang memaparkan sedutan aktiviti-aktiviti yang berjaya dilangsungkan oleh pelbagai kelab dan persatuan. Majlis diteruskan dengan pengumuman pemenang bagi anugerah Kelab Paling Aktif, Kelab Harapan, Program Akademik dan Ilmiah Terbaik, Kelab Pengantarabangsaan Cemerlang



dan Kelab Keusahawanan bagi peringkat kampus Permatang Pauh dan kampus Bertam. Beberapa kelab dan persatuan seliaan pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTMCPP merangkap jawatan penasihat telah berjaya merangkul beberapa anugerah. Persatuan Bahasa Perancis di bawah seliaan Cik Seng Hui Zanne dan Encik Muhammad Usamah Mohd Ridzuan telah memenangi tempat ketiga bagi Anugerah Kelab Pengantarabangsaan Cemerlang manakala Persatuan Bahasa Inggeris di bawah seliaan Encik Muhammad Aiman Abdul Halim, Dr. Ilianis Adnan dan Dr. Husna Serip Mohamad pula memenangi tempat kedua bagi anugerah yang sama. Di samping itu, Kelab Penyayang di bawah seliaan Encik Noor Azli Affendy Lee, Puan Wan Noorli Razali, Dr. Isma

oleh Muhammad Usamah Mohd Ridzuan,  
Muhammad Aiman Abdul Halim & Melati Desa



Noornisa Ismail dan Cik Seng Hui Zanne juga telah dianugerahkan sebagai juara bagi Anugerah Kelab Harapan. Selain itu, Persatuan Bahasa Jepun di bawah seliaan Puan Melati Desa telah dinobatkan juara bagi Anugerah Program Akademik dan Ilmiah Cemerlang. Persatuan Bahasa Jepun dan Persatuan Bahasa Inggeris turut merangkul tempat kedua dan ketiga untuk Anugerah Kelab Kepimpinan dan Kesejahteraan Pelajar Cemerlang.

Setelah itu, acara cabutan bertuah serta persembahan nyanyian oleh pelajar-pelajar UiTMCPP telah diadakan. Majlis diteruskan lagi dengan sesi menjamu selera dengan pelbagai juadah yang dihidangkan oleh pihak penganjur. Pada jam 12 tengah hari, majlis telah mencapai acara kemuncaknya. Nyanyian lagu UiTM di Hatiku serta penyampaian kata-kata amanat oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTMCPP, Profesor Madya TS. Dr. Basharudin Abdul Hadi kepada para pelajar tentang manfaat dan kepentingan berpersatuan telah menyemarakkan lagi semangat para pelajar dan penasihat untuk terus menjayakan aktiviti-aktiviti berpersatuan. Seterusnya, acara penutup telah disempurnakan oleh Rektor UiTMCPP, Profesor IR. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali yang telah menyempurnakan sesi penyampaian hadiah melibatkan anugerah Penasihat Terbaik dan Jawatankuasa Tertinggi Terbaik bagi kelab dan persatuan daripada Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam. Program ini akhirnya melabuhkan tirainya pada jam 1.15 tengah hari dengan sesi bergambar.



Semua warga yang terlibat diharapkan mendapat manfaat daripada program ini serta mampu memacu aktiviti-aktiviti berpersatuan ke arah yang lebih baik di samping mengharumkan nama UiTM di persada negara dan antarabangsa. Beberapa rangkap pantun diselit bagi mengakhiri laporan pencapaian cemerlang ahli semua kelab tersebut:

*Kelapa tua banyak minyaknya  
Kelapa muda diminum airnya  
Mahasiswa yang banyak ilmunya  
Kemana sahaja mudah hidupnya*

*Gunung Daik bercabang tiga  
Berenang di kali haruan belacak  
Pelajar yang baik bersenang jua  
Hasil usaha kejayaan kemuncak*

*Tanaman semangka tumbuh menjalar  
Menjalar mendatar setinggi renek  
Insan berjaya bersungguh belajar  
Belajar berikhtiar menjadi terbaik*

*Belakang parang kan tajam diasah  
Lekuk dek titisan batu yang kuat  
Belajar berpersatuan berbahagi lelah  
Membentuk insan tentu bermanfaat*

